

**SOALAN NO: 13**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]  
**TARIKH** : 4 November 2014  
**SOALAN** : Dato' Othman bin Aziz minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan situasi terkini masalah kekurangan ikan yang dikhabarkan lebih banyak dijual kepada nelayan asing dan sejauh manakah kawalan pendaratan ikan mampu dijalankan oleh pihak bertanggungjawab.

**JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

Pada tahun 2013 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah merekodkan pendaratan ikan makan sebanyak 1.749 juta tan metrik. Daripada jumlah tersebut, 1.482 juta tan metrik (84.7%) adalah sumbangan ikan marin. Merujuk kepada Perangkaan Tahunan Perikanan 2013, pendaratan ikan marin adalah meningkat 0.72% berbanding tahun 2012 iaitu sebanyak 1.472 juta tan metrik. Walaubagaimana pun, berdasarkan anggaran Jabatan Perikanan Malaysia, pendaratan ikan ini adalah

jauh lebih besar jika kesemua nelayan laut dalam mendaratkan semua hasil tangkapan di pusat – pusat pendaratan dalam negara.

Bagi membendung aktiviti penjualan ikan di tengah laut, telah diwujudkan dasar bahawa semua vesel yang berdaftar dan berlesen dengan Jabatan Perikanan Malaysia mestilah mendaratkan 100% hasil tangkapan di pangkalan pendaratan seperti syarat lesen. Mana-mana vesel yang tidak mendaratkan ikan di pangkalan yang telah ditetapkan boleh dikenakan tindakan undang-undang kerana telah melanggar syarat lesen. Bagi mengatasi perkara ini, pengawalan lebih ketat telah dikenakan ke atas vesel Zon C2 melalui pelaksanaan Laporan Operasi Vesel (LOV) dan pemasangan alat *Mobile Transceiver Unit (MTU)*.

Semua vesel laut dalam perlu memastikan alat MTU sentiasa aktif dan membuat pengisthiaran LOV di pangkalan pendaratan setiap kali pendaratan dilakukan dan ia perlu disahkan oleh pihak Jabatan Perikanan Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. LOV juga akan digunakan bagi tujuan pengambilan bekalan minyak bersubsidi. Melalui alat sistem MTU, Jabatan Perikanan Malaysia boleh mengesan mana-mana vesel yang telah keluar ke perairan luar negara tanpa kebenaran. Tindakan boleh dikenakan kepada vesel yang keluar negara tanpa kebenaran/ melanggar syarat lesen.